

**1103/1**  
**Bahasa**  
**Melayu**  
**Kertas 1**  
**September**  
**2009**  
**2 ½ jam**

**UJIAN EXCEL 2**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

---

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

---


---

**Bahagian A**

[Masa dicadangkan: 45 minit]

[30 markah]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **faedah-faedah melancong dalam negara sendiri**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.



## **Bahagian B**

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

[100 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Kawasan kediaman anda sering mengalami banjir. Oleh itu, anda ingin membuat aduan kepada pihak berkenaan tentang punca-punca dan mencadangkan langkah-langkah bagi mengatasi masalah tersebut.

Tulis surat tersebut selengkapnya.

2. Keluarga memainkan peranan penting untuk melahirkan masyarakat yang sihat.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

3. Perpaduan rakyat pelbagai kaum melambangkan keharmonian dalam sesebuah negara.

Jelaskan kepentingan mengekalkan perpaduan di negara ini.

4. Hari Bumi yang disambut pada 22 April setiap tahun dapat memupuk sikap prihatin masyarakat terhadap alam sekitar.

Bincangkan kesan-kesan pemanasan dunia dan peranan masyarakat antarabangsa untuk menangani masalah tersebut.

5. Puisi tradisional seperti pantun, seloka, gurindam dan syair merupakan warisan bangsa yang perlu dipertahankan.

Jelaskan usaha-usaha yang perlu dilaksanakan bagi memastikan puisi tradisional tidak pupus ditelan zaman.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**CADANGAN JAWAPAN  
UJIAN EXCEL II  
BAHASA MELAYU KERTAS 1  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

\*\*\*\*\*

***BAHAGIAN A***

*Kehendak soalan: Faedah-faedah melancong dalam negara sendiri*

*Isi Sedia Ada:*

1. Merapatkan hubungan kekeluargaan
2. Menanamkan semangat patriotisme
3. Memupuk perpaduan
4. Meningkatkan ekonomi

*Isi-Isi Lain:*

1. Memajukan industri tempatan
2. Mengurangkan kos pelancongan
3. Mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah

***BAHAGIAN B:***

**Soalan 1:**

*Kehendak soalan: Punca-punca dan langkah-langkah mengatasi masalah banjir.*

Format : Surat Rasmi

Pemotongan Markah: máksima 2 markah untuk kesalahan format

Punca banjir:

1. Sistem perparitan dan saliran tersumbat
2. Kemusnahan kawasan tadahan hujan / penebangan pokok/ hakisan
3. Perubahan suhu dunia /suhu tidak menentu/pemanasan global/lapisan ozon semakin menipis
4. Penerokaan tanah baru untuk pertanian dan petempatan

Langkah:

1. Penyelenggaraan sistem perparitan dan saliran oleh Pihak Berkuasa Tempatan
  2. Kempen Kesedaran/Sambutan Hari Bumi pada 22 April setiap tahun
  3. Mengurangkan penerokaan hutan/kawasan tadahan/mewartakan hutan simpan
  4. Penguatkuasaan undang-undang/gubal akta baru tentang alam sekitar
- 
- *Kedua-dua bahagian isi perlu dinyatakan walaupun tidak seimbang*
  - *Isi-isi lain yang relevan boleh diterima*

**Soalan 2:**

Kehendak soalan: ***Peranan keluarga dalam melahirkan keluarga yang sihat***

1. Menyediakan makanan yang seimbang
2. Pendidikan agama dan moral/sihat rohani
3. Aktiviti riadah bersama keluarga / menjauhi aktiviti yang tidak sihat
4. Menjalankan pemeriksaan kesihatan secara berkala
5. Ibu bapa prihatin akan keperluan anak-anak/masa berkualiti bersama anak-anak
6. Berkongsi masalah dan menyelesaikan masalah dalam keluarga
7. Memastikan kebersihan persekitaran rumah sentiasa bersih dan selamat

**Soalan 3:**

Kehendak soalan: ***Kepentingan mengekalkan perpaduan di negara ini***

1. Mengekalkan keharmonian dan keamanan negara
2. Mengelakkan persengketaan kaum
3. Meningkatkan ekonomi -menarik pelabur asing/pelancongan
4. Meningkatkan imej negara di mata dunia - negara dihormati
5. Membangun negara bangsa - mewujudkan semangat patriotisme
6. Merapatkan hubungan diplomatik
7. Mengukuhkan sistem pertahanan negara - mengelak anasir luar/dalam

**Soalan 4:**

Kehendak soalan: ***Kesan pemanasan dunia dan peranan masyarakat dunia untuk menangannya.***

Kesan Pemanasan dunia:

1. Risiko terdedah kepada penyakit - kulit, mata, asma, selsema
2. Cuaca tidak menentu
3. Bencana alam - banjir, musim kemarau
4. Sumber makanan terancam/semakin kurang
5. Meningkatkan kos rawatan
6. Kerugian harta benda disebabkan kemusnahan
7. Peningkatan aras laut - pencairan salji di kutub utara/selatan

Peranan masyarakat antarabangsa:

1. Menjimatkan penggunaan tenaga - elektrik
2. Kempen Kesedaran - Sambutan Hari Bumi/kempen matikan lampu selama satu jam pada 28 Mac 2009
3. Menggunakan sumber tenaga alternatif - cth: tenaga suria, ombak, angin
4. Mewartakan hutan simpan
5. Penguatkuasaan undang-undang - kompaun, denda (pembakaran terbuka)

**Soalan 5:**

Kehendak soalan: ***Usaha-usaha memastikan puisi tradisional tidak pupus***

1. Genre tersebut dimasukkan dalam kurikulum pendidikan negara
2. Mengadakan pertandingan seperti Sayembara puisi, berbalas pantun, melagukan syair dan lain-lain melalui agensi kerajaan dan Badan Berkanun, Dewan Bahasa dan Pustaka
3. Peranan sekolah memupuk minat sejak di bangku sekolah melalui aktiviti kokurikulum sebagai aktiviti sokongan bahasa
4. Mempopularkan puisi tradisional melalui lagu-lagu puisi
5. Kempen Kesedaran kepentingan puisi tradisional dalam masyarakat media cetak/eletronik
6. Menawarkan lebih banyak kursus berkaitan di IPT
7. Memberi pengiktirafan kepada penggiat puisi tradisional

**1103/2**  
**Bahasa**  
**Melayu**  
**Kertas 2**  
**September**  
**2009**  
**2 ½ jam**

**UJIAN EXCEL 2**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

---

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

---

---

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan kemudian buat suatu rumusan tentang **langkah-langkah menjayakan program kitar semula dan faedahnya**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Pernahkah anda terfikir tentang sisa pepejal atau sampah-sarap yang dibuang setiap hari yang tidak diuruskan dengan sempurna? Sehubungan dengan itu, kerajaan menerusi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, telah melancarkan kempen kitar semula secara besar-besaran di seluruh negara. Namun program kitar semula ini kurang berjaya kerana sikap masyarakat kita sendiri yang kurang prihatin terhadap perkara ini dan *tidak ambil peduli tentang implikasi* pembuangan sisa pepejal yang berlebihan. Masih ramai lagi dalam kalangan masyarakat kita yang membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya. Masyarakat kita juga kurang memanfaatkan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan bagi memastikan sisa pepejal ini diurus dengan sewajarnya. Selain itu, penglibatan dan penyertaan yang masih rendah pihak swasta juga menyebabkan program kitar semula ini sukar mencapai sasaran.

Seharusnya pihak swasta turut memberikan komitmen yang tinggi, seperti menganjurkan program kitar semula, agar dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya kitar semula. Usaha sesetengah pasar raya besar seperti Jusco yang menyediakan tong kitar semula haruslah dipuji dan patut dicontohi oleh pihak swasta yang lain. Pendidikan mengenai kepentingan kitar semula perlulah dipupuk dari awal bermula dari rumah dan sekolah. Ibu bapa dan guru perlu memainkan peranan dalam melatih anak serta pelajar mengamalkan cara yang betul tentang pembuangan sampah dan sisa pepejal. Pendidikan awal ini jika dipupuk secara berterusan akan menjadi amalan yang sangat menguntungkan semua pihak.

Kerajaan perlu menggubal semula undang-undang bagi menghukum penjenayah alam sekitar yang membuang sampah dan sisa industri sesuka hati. Peranan media massa juga penting dalam memastikan kempen kitar semula ini lebih berkesan dalam kalangan masyarakat. Iklan mengenai kitar semula haruslah sentiasa disiarkan bagi memastikan masyarakat sentiasa peka terhadap kempen ini.

Walaupun jumlah tong yang disediakan menjangkau 15,000 buah yang merangkumi 700 pusat kitar semula di seluruh negara, namun jumlah ini masih belum mencukupi. Oleh itu, kerajaan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu memperbanyak tong dan pusat kitar semula. Peranan badan bukan kerajaan (NGO) juga penting dalam menubuhkan persatuan atau badan tertentu dalam menangani masalah pembuangan sampah di negara kita. Seharusnya kita mencontohi beberapa negara luar yang NGO-nya mengambil inisiatif membentuk kumpulan atau komuniti bagi menjayakan projek kitar semula.

Telah banyak usaha dan program yang dilaksanakan oleh kerajaan sejak tahun 2000 hingga sekarang. Persoalannya, sejauh manakah program kitar semula di negara ini berjaya? Jangan tunggu hingga esok, kita mulakannya hari ini.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana, **Berkesankan Kitar Semula?**  
oleh **Roslan Lateh**, *Dewan Siswa* Jun 2008)



**Soalan 2 : Pemahaman**

**Soalan 2 (a) Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1 di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud *tidak ambil peduli tentang implikasi* berdasarkan penggunaannya dalam petikan tersebut.  
[2 markah]
- (ii) Mengapakah program kitar semula dalam kalangan masyarakat kita masih kurang berkesan?  
[3 markah]
- (iii) Pada pandangan anda, selain daripada program kitar semula, nyatakan aktiviti-aktiviti lain yang boleh dilaksanakan bagi memelihara alam sekitar? Nyatakan **empat** aktiviti.  
[4 markah]

**Soalan 2(b) - Petikan Drama**

Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SRISEGALA: (Ketawa sinis) Orang muda! Kau tak pernah mengingati perkembangan dunia hari ini agaknya. Tahukah kau bahawa fikiran dan perasaan manusia itu adalah di bawah kekuasaan tempat duduknya? Kerusi ini lebih bijaksana dariku. Begitu juga bunyi sebuah gong, menguasai siapa saja yang menduduki tempat ini.

PUTRA : Tidak! Itu hanya alasanmu. Sejak bilakah kau berikan nyawa pada sebuah kerusi dan sebuah gong yang kaku? Kau adalah punca segala-galanya. Dan aku cukup tahu, selama kau di situ, hanya segelintir manusia saja yang akan berjaya mendaki gunung mencapai awan. Manusia yang *sama bulunya* denganmu. Aku dan orang-orang itu akan hanya dihiburkan dengan lakonanmu. Kau membawa kami ke dunia tiga penjuru dengan segala janji bahawa penjuru itu lebih baik dari yang itu, dan yang ini lebih baik lagi. Aku sudah tahu dunia tiga penjurumu itu sama semuanya. Tidak ada yang lebih baik!

SRISEGALA : (Ketawa) Apa sebenarnya yang kau mahu? (Terus ketawa)

PUTRA : Aku mahu kau berhenti ketawa!

*Srisegala terdiam tiba-tiba. Wajahnya bertukar serius dan dia memandang tepat ke muka Putra.*

PUTRA : Aku mahu lakonan ini segera berakhir. Aku mahu kau segera turun. Kalau tidak kau lihatlah nanti, akan kusuruh semua orang-orang ini bangun. Dan waktu itu tempatmu bukan lagi di situ!

(Dipetik daripada antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000)

(i) Terangkan maksud *sama bulunya* seperti yang digunakan dalam petikan di atas.

[2 markah]

(ii) Pada pendapat anda, pada zaman moden ini, apakah tindakan yang wajar dilakukan oleh rakyat kepada pemimpin seperti Srisegala?

[4 markah]

(iii) Terangkan **satu** perwatakan Putra seperti yang terdapat dalam petikan di atas dan **dua** lagi perwatakan Putra yang lain daripada keseluruhan drama ini.

[3 markah]

**Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik**

*Baca petikan prosa klasik di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Sebermula, maka tersebutlah perkataan Saidah datang meniarap di hadapan Jibor seraya menyembah kaki Jibor dengan tangisnya. Maka kata Jibor, “Mengapa maka pekerti tuan hamba demikian ini ?”

Maka kata Saidah dengan tangisnya, “sebab pun hamba demikian ini daripada tiada hamba mahu memalingkan muka hamba daripada tuan hamba, yang niat hamba kepada Allah *subhanahu wataala* kepada siang dan malam hendak mati di bawah kadam tuan hamba juga. Daripada sangat belas hati hamba, maka hamba katakan rahsia ini kepada tuan hamba. Inilah hal saudara tuan hamba yang diharap itu, hamba dapati afalnya itu selama dia diam pada kita di sini. Maka haripun malamlah sudah, maka pada ketika awal dinihari tuan hamba pun tatkala tidur tiada sedarkan diri, tatkala itu hamba sakit perut hendak *qada hajat*, maka hamba pun pergi pada tempat buang air seni itu. Setelah sudah hamba buang air seni, maka hamba pun keluar hendak kembali. Maka dipegang oleh Sabor tangan hamba. Maka hamba pun hendak berteriak, maka dihunusnya jambiah hendak menikam; daripada hamba takutkan mati, maka hamba pun tiada mahu pula, daripada hamba takut akan Allah taala dan takut akan tuan hamba, malulah hamba, baiklah hamba mati dibunuhnya sekalipun, kabullah hamba, daripada derhaka akan tuan hamba.”

(Dipetik daripada cerita *Sabor* dalam *antologi Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000)

- (i) Apakah maksud *qada hajat* berdasarkan petikan di atas ?  
[2 markah]
- (ii) Siapakah Saidah ?  
Mengapakah Saidah meniarap di hadapan Jibor ?  
[3 markah]
- (iii) Jika anda ialah Jibor, apakah tindakan anda selepas mendengar apa yang dikatakan oleh Saidah ?  
[3 markah]

**Soalan 2 (d) – Petikan Sajak**

Baca puisi di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**ANAK LAUT**

Segar angin laut  
mengembalikan rindunya pada kolek  
bagai buih kecil terapung di air  
menjaring sedikit rezeki  
dan sisik ikan  
kulit ketam  
kepala sotong  
dan  
kaki udang yang bersimpati.

Seperti kolek terdampar di pasir  
menampakkan urat jalur-jalur tua  
anak laut itu sudah dapat menerka  
langkahnya hampir tiba  
pada muara Pencipta.

**Rahimidin Zahari**

*Kulepaskan Resah Sepi*, 1988  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berikan maksud baris *mengembalikan rindunya pada kolek*. [2 markah]
- (ii) Jika anda seorang nelayan, apakah usaha-usaha yang wajar anda lakukan bagi menambahkan pendapatan anda? [4 markah]
- (iii) Nyatakan **tiga nilai** yang terdapat dalam sajak di atas. [3 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 Markah ]

Jawab **semua** soalan

(a) *Tulis **dua ayat** bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

( i ) faedah

( ii ) daki

( iii ) alamat

[6 markah]

(b) *Tukarkan perbualan di bawah kepada bentuk laporan. Anda dikehendaki mengekalkan maksud dan susunan isi dalam petikan ini.*

Mary Tan : Wah, banyaknya juadah yang disediakan!

Sazali : Biasalah. Tidak meriah sambutan hari raya kalau tidak ada juadah yang istimewa.

Mary Tan : Sungguh sedap. Inilah kali pertama saya memakannya. Apakah nama makanan ini?

Sazali : Inilah ketupat daun palas, makanan tradisional masyarakat Melayu.

Mary Tan : Ya, sedap! Lemak rasanya. Bagaimanakah cara menyediakannya?

Sazali : Cara membuatnya agak sukar, memerlukan ketelitian dan ketabahan hati.

[6 markah]

- (c) *Dalam petikan di bawah, terdapat **tiga kesalahan ejaan** dan **tiga kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu jawapan bagi setiap kesalahan ejaan dan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Rumah bagi masyarakat Melayu bukan sahaja merupakan keperluan asas dalam hidup, tetapi juga merupakan seni bina yang diwarisih sejak turun-temurun. Pertimbangkan yang wajar daripada pelbagai sudut perlu dibuat sebelum mendirikan sesebuah rumah. Unsur seperti alam sekitar, topografi, iklim, kebolehan teknikal tukang rumah, pengaruh agama, kemampuan ekonomi, dan kebudayaan serumpun amat dipengaruhi gaya dan bentuk bangunannya.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- i). Berita kemalangan kapal tangki dilaut itu baru diceritakan pada pagi ini.
- ii). Muzium Negara sentiasa dikunjungi pelawat itu akan dibaiki pada minggu hadapan oleh sepasukan kontraktor.
- iii). Sejak berapa tahun belakangan ini industri pelancongan telah menjadi industri utama dalam bidang ekonomi negara.

[6 markah]

- (e) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi tersebut.*

Pada mulanya Azmi hanya bekerja sebagai pemotong daging di sebuah pasar raya di Kuala Lumpur. Namun kini, dengan berkat usahanya yang gigih, beliau telah menjadi Pengarah Urusan di syarikatnya sendiri. Beliau percaya bahawa kerajinan akan membuahkan hasil. Sejak tahun 1980, beliau mula mengeluarkan sosej dan burger sendiri secara manual. Beliau mahu mulakan dengan cara yang sedikit-sedikit dahulu. Akhirnya, perniagaannya mendapat sambutan yang menggalakkan bukan sahaja daripada pelanggan Melayu tetapi juga kaum-kaum lain. Malahan di sekitar Kuala Lumpur, kita dapat melihat semakin banyak gerai yang muncul menggunakan jenama 'Azmy Burger'.

[6 markah]

**Soalan 4 :Novel**

[ 15 markah ]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut :*

- i. *Terminal Tiga* karya Othman Puteh
- ii. *Perlumbaan Kedua* karya Marwilis Hj.Yusof
- iii. *Di Hadapan Pulau* karya A.Samad Said
- iv. *Bukit Kepong* karya Ismail Johari
- v. *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain
- vi. *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- vii. *Julia* karya Abu Hassan Morad
- viii. *Putera Gunung Tahan* karya Ishak Hj. Muhammad

- a) Pengarang menggunakan pelbagai teknik penceritaan untuk menghasilkan sebuah novel yang menarik.

Huraikan **dua** contoh teknik imbas kembali yang digunakan dalam novel yang anda kaji dan nyatakan **dua** sebab teknik tersebut dikatakan menarik ?

[ 7 markah ]

- b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan persamaan latar masa yang terdapat dalam dua buah novel tersebut.

[ 8 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**1103/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
Skema  
Jawapan  
September  
2009  
2 ½ jam**



**UJIAN EXCEL 2  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

---

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**SKEMA JAWAPAN**

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

---

Skema jawapan ini mengandungi 14 halaman bercetak



**Markah penuh Kertas 2 ialah 110 markah****Soalan 1**

Markah penuh **30** dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah  
 (b) Bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [ 20 *markah* ]

**Nota**

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang/ kata ganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.  
 (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.  
 (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											<b>2</b>
(ii) Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											<b>2</b>
<b>Jumlah Markah</b>											<b>20</b>

(b) **Bahasa** [10 *markah*]

Asas pemberian bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan jadual berikut:

<b>Peringkat</b>	<b>Markah Isi</b>	<b>Markah Bahasa</b>	<b>Huraian Bahasa</b>
<b>Baik</b>	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 9	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
<b>Sederhana</b>	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 6	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan
<b>Lemah</b>	1 – 7	1 – 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

**Nota**

- (i) Umumnya markah bahasa **50% markah isi**.
- (ii) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (iii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iv) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan 0 markah.
- (v) Jika rumusan kurang **120** perkataan, markah tidak dipotong.

[ Markah Bahasa, **Maksimum: 10 markah**]

**SOALAN 1*****Pendahuluan[2m]***

Petikan membincangkan kaedah/ cara/ usaha/ strategi menjayakan program kitar semula.

***Isi Tersurat (langkah menjayakan program kitar semula)[2-12m]***

	<b><i>Markah</i></b>
1. Kerajaan / Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, telah melancarkan kempen kitar semula secara besar-besaran di seluruh negara..	2
2. Pihak swasta turut memberikan komitmen yang tinggi, ( <i>seperti menganjurkan program kitar semula</i> ), agar dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya kitar semula	2
3. Pendidikan mengenai kepentingan kitar semula perlulah dipupuk dari awal bermula dari rumah dan sekolah./ Ibu bapa dan guru perlu memainkan peranan dalam melatih anak serta pelajar mengamalkan cara yang betul tentang pembuangan sampah dan sisa pepejal	2
4. Kerajaan perlu mengubal semula undang-undang bagi menghukum penjenayah alam sekitar yang membuang sampah dan sisa industri sesuka hati.	2
5. Iklan mengenai kitar semula haruslah sentiasa disiarkan bagi memastikan masyarakat sentiasa peka terhadap kempen ini.	2
6. Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu memperbanyak tong dan pusat kitar semula.	2
7. Peranan badan bukan kerajaan (NGO) juga penting dalam menubuhkan persatuan atau badan tertentu dalam menangani masalah pembuangan sampah di negara kita	2

**Isi Tersirat (Faedah kitar semula)[2-12m]**

	<b>Markah</b>
1. Dapat memelihara alam sekitar/ mengurangkan pencemaran alam sekitar.	2
2. Dapat mewujudkan suasana persekitaran yang lebih sihat / bersih/ selamat.	2
3. Dapat mengurangkan jumlah sampah yang dihasilkan.	2
4. Mengelakkan pertambahan/ mengurangkan tapak pelupusan sampah	2
5. Menjimatkan penggunaan sumber alam semula jadi.	2
6. Memberikan pulangan yang lumayan/ menambahkan pendapatan.	2
7. Menjimatkan kos pengurusan /penyelenggaraan sisa pepejal.	2

**Kesimpulan[2m]**

Kesimpulannya, semua pihak hendaklah berganding baru menyokong program kitar semula supaya alam sekitar tidak tercemar

(Kesimpulan lain yang logik boleh diterima)

**Soalan 2**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

**Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat** yang **sempurna/lengkap**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **tepat/betul**, **berikan separuh (50%)** daripada **markah** yang **diperuntukan** sahaja.
4. Kesalahan **bahasa** dan **ejaan** hendaklah **ditolak ½ markah** daripada setiap ceraiian soalan.
5. Jawapan bagi **Soalan 2(b)**, **2(c)** dan **2(d)** mestilah berdasarkan teks **Komponen Kesusasteraan Melayu** yang ditetapkan.

**Soalan 2(a) : Petikan Umum**

- (i) Maksud *tidak ambil peduli tentang implikasi* berdasarkan penggunaannya dalam petikan tersebut. [2 markah]

- tidak cakna/ prihatin mengenai impak/ kesan/ natijah/ dampak.

- (ii) Sebab program kitar semula kurang berjaya. [3 markah]  
[1m = 1 isi]

- sikap masyarakat kita sendiri yang kurang prihatin terhadap perkara ini dan tidak ambil peduli tentang implikasi pembuangan sisa pepejal yang berlebihan.
- masih ramai lagi dalam kalangan masyarakat kita yang membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya.
- masyarakat kita juga kurang memanfaatkan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan bagi memastikan sisa pepejal ini diurus dengan sewajarnya.
- penglibatan dan penyertaan yang masih rendah pihak swasta juga menyebabkan program kitar semula ini sukar mencapai sasaran.

[Pilih mana-mana **tiga** jawapan sahaja]

- (iii) Selain daripada program kitar semula nyatakan aktiviti-aktiviti lain yang boleh dilaksanakan bagi memelihara alam sekitar [4 markah]  
[1 m = 1m]

- aktiviti penanaman semula hutan/ menanam pokok.
- kempen bumi hijau / aktiviti menanam sayur-sayuran
- kempen berkongsi kereta
- kempen menaiki kenderaan awam
- kempen memadamkan lampu (selama satu jam)
- menggalakkan penggunaan tenaga bukan fosil / tenaga solar/ angin/ ombak/ hidroelektrik

[Pilih mana-mana **empat** jawapan sahaja]

**Soalan 2 (b) :Petikan Drama**

**Markah**

- (i) Maksud *sama bulunya* dalam petikan :
- sefahaman / bersubahat / orang yang memberikan sokongan / Pengikut 2
- [2 markah]
- (ii) Tindakan yang wajar dilakukan kepada pemimpin seperti Srisegala :
- Tidak memberikan sokongan / tidak memberikan undi semasa pilihan raya. 1
  - Melaporkan kezalimannya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah /pihak berkuasa supaya diambil tindakan sewajarnya. 1
  - Mengadukan hal kezaliman / penindasan yang dilakukannya kepada pemimpin yang lain (dalam akhbar / internet.) 1
  - Melaporkan kepada ketua negara / Perdana Menteri. 1
  - Buat demonstrasi/ tunjuk perasaan secara aman. 1
- [4 markah]
- (iii) **Satu** perwatakan Putra dalam petikan :( maksimum : 1 markah)
- seorang yang berani. Contohnya, Putra berani menentang Srisegala. 1
  - seorang yang tegas dalam pendirian. Contohnya, Putra meminta Srisegala menghentikan perbuatan jahatnya dan turun dari takhta. 1
- Dua** perwatakan Putra daripada keseluruhan drama : (maksimum: 2 markah)
- seorang yang gigih berusaha / tidak mengenal putus asa. Contohnya, walaupun mata Putra telah dibutakan oleh Srisegala, tetapi Putra tetap terus berusaha menentang Srisegala. 1
  - seorang yang bijaksana. Contohnya, dia dapat memberikan hujah untuk menangkis pendapat Srisegala. 1
  - seorang (suami) yang penyayang. Contohnya, dia sayang akan isterinya Masayu. 1

[3 markah]

**Soalan 2 (c) : Prosa Klasik****Markah**

- (i) ... maksud qada hajat : membuang air besar/ berak  
(nota: membuang air/ membuang air kecil =0m) 2  
[2 markah]
- (ii) Siapa Saidah? (mak: 1m)  
  - Saidah ialah isteri Jibor yang curang kepada suami. 1
 Sebab Siadah meniarap: (mak: 2 m)  
  - Saidah meniarap di hadapan Jibor kerana hendak menceritakan perkara keji yang telah dilakukan oleh Sabor. 1
  - selain itu Saidah takut dimarahi oleh Jibor. 1
  - Saidah mahu menunjukkan kesetiaannya kepada Jibor 1
 [3 markah]
- (iii) Tindakan kalau Jibor :  
  - menyasat terlebih dahulu aduan Saidah sebelum membuat sebarang keputusan. 1
  - bertanya / bersemuka dengan Sabor tentang perkara yang terjadi. 1
  - memanggil saksi yang berkaitan. 1
  - meminta pendapat dari orang lain yang lebih tua / kaunselor. 1
  - membawa perkara tersebut ke muka pengadilan/pihak berkuasa 1
 [3 markah]

**Soalan 2 (d) : Petikan Sajak****Markah**

- (i) Maksud rangkai kata *mengembalikan rindunya pada kolek* ialah :  
  - Nelayan terkenang kembali [1m] pada sampan/perahu/ pekerjaannya sebagai nelayan suatu masa dahulu [1m] 2  
[2 markah]

(ii) Jika anda seorang nelayan, apakah usaha-usaha yang wajar anda lakukan bagi menambahkan pendapatan anda?  
  - Menjual sendiri hasil tangkapan. 1
  - Menggunakan peralatan moden untuk menangkap ikan. 1
  - Menggunakan bot yang besar untuk menangkap ikan. 1
  - Menjalankan perusahaan berasaskan hasil perikanan. 1
  - Menjalankan projek penternakan ikan dalam sangkar/ kolam. 1
  - Mengikuti kursus-kursus perikanan yang dianjurkan oleh pihak tertentu. 1
 [4 markah]

- (iii) Nyatakan **tiga nilai** yang terdapat dalam sajak di atas.

**Dua Nilai:** [maksima 2m]

- Nilai kegigihan mencari rezeki. 1
  - Nilai simpati terhadap kesusahan orang lain. 1
  - Nilai ketakwaan kepada Tuhan (Allah) yang mencipta manusia. 1
  - Nilai keinsafan bahawa setiap makhluk Tuhan akan mati. 1
- [3 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**  
**Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:**

Soalan 3(a): 6 markah  
 Soalan 3(b): 6 markah  
 Soalan 3(c): 6 markah  
 Soalan 3(d): 6 markah  
 Soalan 3(e): 6 markah

**Perhatian bagi Soalan 3(a)**

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  **markah** bagi kesalahan **ejaan / jalan bahasa / tanda baca** daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0 markah**.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan **0 markah**.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  **markah** bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan dipakai dalam **satu ayat**, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi/ Ayat tidak jelas tolak  $\frac{1}{2}$  **markah** daripada ayat itu sendiri.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan **0 markah**.
11. Hanya membina satu ayat untuk setiap perkataan periksa seperti biasa.
12. Bina dua ayat untuk setiap perkataan tetapi tidak menunjukkan perbezaan maksud pertimbangkan sebagai satu ayat sahaja.

a) i) **faedah**

- guna, manfaat
  - bayaran yang dikenakan atas pinjaman atau kredit ( bunga )
- Cth :
- a) Membaca banyak memberi **faedah** kepada pelajar
  - b) Kadar **faedah** yang dikenakan oleh pihak bank sangat tinggi



ii) **daki**

- kotoran yang melekat pada badan
- memanjat
- menuju ke puncak atau ke bahagian yang tinggi
- makin menaik atau meninggi

Cth :

- a) **Daki** pada badan budak itu sangat tebal kerana sudah dua hari dia tidak mandi.
- b) Gunung yang tinggi itu berjaya saya **daki**.

iii) **alamat**

- sesuatu yang dianggap sebagai menandakan bahawa sesuatu kejadian yang baik atau yang buruk akan berlaku, tanda, pertanda
- matlamat, sasaran, bulan-bulan, tumpuan
- butir keterangan yang menunjukkan tempat tinggal seseorang
- kod pengenalan unuk yang digunakan sebagai nama atau tanda kedudukan ingatan, daftar dalam sesuatu system komputer
- bermakna bahawa, menandakan, menunjukkan

Cth :

- a) Bunyi guruh memberi **alamat** bahawa hari mahu hujan.
- b) Posmen memulangkan semula surat Amin kerana **alamat** yang ditulis tidak lengkap.

## b) Perhatian Soalan 3(b)

- Pemarkahan secara impresion.
- Langsung tidak tukar kepada bentuk laporan = 0 m
- Bercampur aduk dalam bentuk dialog dan laporan – periksa seperti biasa

*Baik ( 6-5 m )*

- 6m – Isi : cukup ( 6 isi )  
Bahasa sangat baik ( tiada kesalahan )  
ikut urutan isi
- 5m – Isi : 5 isi sahaja yang betul  
Bahasa : baik ( 1-2 kesalahan )  
ikut urutan isi

*Sederhana ( 4 – 3m )*

- 4m – Isi : 4 isi sahaja yang betul  
Bahasa : sederhana ( 3-5 kesalahan )  
masih mengikut urutan isi
- 3m – Isi : 3 isi sahaja yang betul  
Bahasa : memuaskan ( 6 – 7 kesalahan )  
masih mengikut urutan isi

*Lemah ( 2 – 1m )*

- 2m – Isi : 2 isi sahaja yang betul  
Bahasa : lemah ( 8 kesalahan )  
masih mengikut urutan isi
- 1m – Isi : 1 isi sahaja yang betul  
Bahasa : sangat lemah ( lebih 8 kesalahan )  
masih mengikut urutan isi

*Cadangan jawapan:*

- Mary Tan berasa kagum melihat juadah yang disediakan sangat banyak.
  - Sazali menyatakan bahawa itu ialah perkara biasa. Dia menambah lagi bahawa sambutan hari raya tidak meriah tanpa juadah yang istimewa.
  - Mary Tan menyatakan bahawa makanan itu sungguh sedap dan itulah kali pertama dia memakannya. Lalu dia ingin mengetahui nama makanan itu.
  - Sazali menjelaskan bahawa makanan itu ialah ketupat daun palas yang merupakan makanan tradisional masyarakat Melayu.
  - Mary Tan mengakui bahawa makanan itu sedap dan lemak rasanya. Dia ingin mengetahui cara penyediaan makanan tersebut.
  - Sazali menjelaskan bahawa cara membuatnya agak sukar, memerlukan ketelitian dan ketabahan hati.
- c) **Perhatian:** Setiap jawapan yang betul 1m
- |  |  |
|--|--|
| <p><b><u>ejaan</u></b></p> <p>bena – bina<br/>diwarisih – diwarisi<br/>kebolihan – kebolehan</p> | <p><b><u>imbuan</u></b></p> <p>hidup – kehidupan<br/>pertimbangkan – pertimbangan<br/>dipengaruhi – mempengaruhi</p> |
|--|--|

- d) **Perhatian:** Setiap jawapan yang betul 1m.
- i) dilaut            - di laut  
diceritakan    - dihebahkan/ disiarkan/ dilaporkan (jawapan lain 0m)
- ii) sentiasa       - yang sentiasa  
sepasukan      - sekumpulan
- iii) berapa        - beberapa  
bidang            - sektor

- e) Perhatian:
- Frasa terbalik 1m.
  - Kesalahan bahasa tolak ½ markah bagi setiap peribahasa.
  - Peribahasa tersasar daripada yang telah termaktub 0m.
  - Setiap peribahasa yang betul 2 markah.
- i. kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya / yang bulat tidak akan datang bergolek, yang pipih tidak akan datang melayang /
  - ii. sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit / sehari selembur benang lama-lama menjadi kain
  - iii. bak cendawan tumbuh selepas hujan

**Soalan 4 : Novel**  
**Markah Penuh 15 markah**

Perhatian bagi Soalan 4

1. Jawapan (a) berdasarkan **satu** daripada novel yang dipelajari.
2. Jawapan bagi (b) mestilah berdasarkan mana-mana **dua** novel yang dipelajari.
3. Jawapan hendaklah dalam ayat yang sempurna/lengkap.
4. Pemberian markah bahasa berdasarkan 'impresion'.
5. Markah bahasa tidak boleh melebihi markah isi.

Perhatian bagi (a)

- (i) Jawapan tepat berdasarkan teks yang dipelajari.
- (ii) Pernyataan mestilah benar dan disokong dengan contoh tepat.
- (iii) Berikan **1 markah** bagi pernyataan yang benar.
- (iv) Berikan **1 markah** bagi huraian yang tepat berkaitan novel yang dikaji.
- (v) Markah maksimum untuk isi **4 markah** dan markah maksimum untuk bahasa **3 markah**.
- (vi) Bahasa : Baik = 3m; Sederhana = 2m; Lemah = 1m.
- (vii) Markah bahasa tidak boleh melebihi markah isi.

- a) Contoh teknik imbas kembali (Maksimum 2 isi = 2m)

**Terminal Tiga**

- Rimpa teringat akan ibunya yang tidak menyetujui niatnya untuk melanjutkan pelajaran di ASK kerana tiada siapa yang akan membantu keluarga /adik-adik di rumah.

- Rimpa teringat akan Bang Maily dan kak Naspura yang banyak membantunya untuk melanjutkan pelajar di ASK sama ada dari segi sokongan moral dan bantuan kewangan.
- Rimpa teringat akan Ruzaini yang tidak setuju dengan keputusannya untuk belajar di ASK dengan alasan bimbang akan keluarganya yang akan ditinggalkan Rimpa dan Rimpa akan melupakan dia
- Rimpa terkenang akan kata-kata Bang Maily ketika dia berada di dalam pesawat dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur mengenai ayah Rimpa yang telah kembali ke pangkuan keluarga dan sedia memikul tanggungjawab.

### **Seteguh Karang**

- Anis teringat akan abah dan mamanya. Selepas kematian abah dan mamanya Anis merasakan bahawa kemalangan itu seolah-olah tidak pernah berlaku.
- Anis teringat akan kata-kata Jalal (budak pejabat) yang begitu sombong ketika Anis menjalani latihan praktikal . Anis dan rakan-rakannya sempat bermaaf-maafan dengan semua termasuk Jalal.
- Maysarah teringat akan kejadian kemalangan yang menimpa abah dan mama semasa balik dari Pulau Pinang setelah tidak berjaya memujuknya untuk balik ke rumah mereka. Peristiwa ini telah menyebabkan Maysarah sentiasa diburu rasa bersalah.

### **Sebab imbas kembali menarik :( Maksimum 2 isi = 2m)**

- pembaca dapat mengetahui jalinan peristiwa yang berlaku sebelumnya.
- memberi gambaran yang lebih jelas tentang watak-watak yang terdapat dalam novel.
- kepelbagaian teknik plot seperti imbas kembali mampu memberi tarikan dan mengurangkan rasa bosan para pembaca.

[7 markah]

(Nota: Jawapan lain yang betul boleh diterima)

b) Persamaan latar masa :

Perhatian bagi (b)

- (i) Berikan **1 markah** bagi setiap pernyataan.
- (ii) Berikan **1 markah** bagi huraian atau contoh.
- (iii) Perbandingan persamaan **mesti** dibuat secara terus. Jika tidak **1m** maksimum untuk isi.
- (iv) Markah maksimum untuk isi : **6 markah** (2 pernyataan + 2 contoh untuk setiap novel) dan markah maksimum untuk bahasa **2 markah**.
- (v) Bahasa : Baik/Sederhana =2m; Lemah = 1m
- (vi) Markah bahasa tidak boleh melebihi markah isi.

Latar Masa (Pernyataan = 1m)	Terminal Tiga (Contoh = 1m)	Seteguh Karang (Contoh = 1m)
<b>Malam</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjalanan Rimpa menaiki pesawat ke Kota Kinabalu.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anis menaiki bas ke stesen bas Ipoh untuk mengikuti latihan praktikal di Hulu Paka, Terengganu.</li> </ul>
<b>Subuh</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rimpa menunaikan solat subuh.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anis sampai di rumahnya setelah menamatkan latihan di Hulu Paka Terengganu.</li> </ul>
<b>Tengah hari</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rimpa, Jasmin dan Azlina makan tengah hari di kantin ASK.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anis mengikut Kak Nor pulang ke rumah Kak Nor.</li> </ul>
<b>Petang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rimpa naik teksi dari Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anis menolong Kak Nor melakukan kerja-kerja di dapur setelah pulang dari tempat kerja.</li> </ul>

(Nota: Jawapan lain yang betul boleh diterima)

[ 8 markah ]

SKEMA JAWAPAN TAMAT